

**PERINGATAN: KEMASKINI STATUS KE LUAR NEGARA
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
DI SELURUH NEGARA MELALUI
SISTEM PERMOHONAN KE LUAR NEGARA (SPLN) UPM**

| | |
|------------------------------------|--|
| Perhatian Kepada | Semua Pengguna SPLN UPM yang telah membuat permohonan untuk melakukan perjalanan ke luar negara (rasmi dan tidak rasmi) sepanjang bulan Mac hingga April 2020. |
| Latar Belakang | Susulan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak penyakit COVID-19 di negara kita mulai 18 hingga 31 Mac 2020, dan lanjutan PKP daripada 1 hingga 14 April 2020, kerajaan telah menetapkan sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara. Manakala bagi yang baru pulang dari luar negara, mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara sukarela (atau <i>self-quarantine</i>) selama 14 hari. |
| Tindakan oleh Pengguna SPLN | <p>Pihak kami mengambil maklum bahawa warga UPM yang telah memohon ke luar negara melalui SPLN dalam tempoh PKP ini telahpun menangguhkan/membatalkan perjalanan tersebut.</p> <p>Setakat ini, hanya 146* orang telah menghubungi urus setia bagi tujuan mengemaskini rekod di dalam sistem SPLN.</p> <p>Oleh itu, mohon jasa baik pengguna SPLN untuk dapat mengemaskini status perjalanan masing-masing, dengan menghantar e-mel kepada pihak urus setia melalui norhasliza_h@upm.edu.my dengan memberikan nombor rujukan permohonan SPLN untuk tujuan membatalkan permohonan perjalanan yang telah ditangguhkan/ dibatalkan.</p> <p>Ini bagi membolehkan rekod SPLN berada dalam keadaan terkini dan laporan yang tepat dapat diberikan kepada pihak yang berkenaan.</p> <p>Atas kerjasama semua amatlah kami hargai.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p> |
| Maklumat Urusetia | <p>Urus Setia Sistem Perjalananan Luar Negara (SPLN) UPM Pejabat Naib Canselor Universiti Putra Malaysia E-mel: norhasliza_h@upm.edu.my</p> <p>Link SPLN: http://spln.upm.edu.my</p> |

*Sehingga tarikh 9 April 2020